

Malaysia Berpeluang Menang Pertandingan Keharmonian Peringkat Dunia - Koh Tsu Koon
Bernama
1 Februari, 2013

PETALING JAYA, 1 Feb (Bernama) -- Malaysia berpeluang menjadi pemenang untuk 'Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2013' (WIHM) yang disambut hari ini hingga 7 Feb depan berdasarkan keunikan dan kesejahteraan yang dimiliki negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata pertandingan anjuran Jordan itu setakat ini menerima penyertaan lebih 40 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Malaysia mungkin mempunyai peluang untuk merebut hadiah di tempat pertama, yang menawarkan wang tunai sebanyak US\$25,000 kerana ciri-ciri keharmonian yang telah diamalkan rakyat di negara ini sekian lama.

"Kita yakin Malaysia akan menunjukkan prestasi yang baik, berteladan dan unggul selari dengan keharmonian dan perpaduan yang ditunjukkan, dan ia mencerminkan sikap toleransi dan keterbukaan dalam meraikan kepelbagaian bangsa dan agama," katanya kepada pemberita selepas pelepasan Kembara Muhibah sempena WIHM di sini hari ini.

WIHM menekankan aspek perpaduan dan keharmonian antara agama sebagai teras utama, dan sempena WIHM, semua negara anggota diminta mengisi minggu berkenaan dengan pelbagai aktiviti mempromosi persefahaman antara agama.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925522>